

Jangan anggap orang Melayu tidak boleh dimajukan

Oleh ROZILAN SALLEH

PULAU PINANG 10 Nov - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pemimpin Melayu agar tidak mempunyai tanggapan bahawa orang Melayu tidak boleh dimajukan setanding dengan kaum lain.

Beliau menegaskan, alasan bahawa tidak ada cara untuk memajukan Melayu tidak boleh diterima.

"Saya mahu bangsa saya dapat kejayaan lebih besar dari masa dahulu, saya mahu bangsa saya maju," katanya dalam amanat yang dipetik dari buku *Masa Depan Melayu Pulau Pinang* yang dilancarkan di sini hari ini.

Buku hasil tulisan bekas wartawan, Datuk Jamelah Bakar itu dilancarkan oleh Setiausaha Barisan Nasional (B3SI) Pulau Pinang, Tan Sri Khalid Ahmad Sulaiman.

Jamelah yang juga Pengerusi Eksekutif

Saya mahu bangsa saya dapat kejayaan lebih besar dari masa dahulu, saya mahu bangsa saya maju

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Dawn City Holdings (M) Sdn. Bhd, sebuah syarikat pemborongan dan peruncitan, mencatatkan amanat itu yang disampaikan oleh Perdana Menteri ketika mengadakan pertemuan dengan usahawan-usahawan Melayu tempatan, pertengahan tahun ini.

Perdana Menteri juga mengingatkan pemimpin Melayu agar tidak berputus asa berusaha memajukan bangsa Melayu dan membiarkan mereka berusaha sendiri dengan berpegang kepada prinsip hanya yang terbaik sahaja akan terus maju.

"Kalau kita mahu bekerja kuat, kalau kita mahu usaha, belakang golok pun boleh jadi tajam, kita boleh jadikan belakang

golok tajam kalau kita rajin berusaha nak menajamkannya, begitu juga dengan orang Melayu, pemimpin tidak boleh putus asa.

"Walaupun apapun, kita mesti bekerja kuat, semua yang ada boleh memainkan peranan untuk membantu, mesti bekerja ber-sungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kita boleh mencapai kejayaan sebagaimana yang kita harapkan.

"Walaupun kena bekerja lebih daripada masa, lebih banyak masa daripada orang lain. Lebih lama kita kena kerja, tak apa asalkan kita berusaha ber-sungguh-sungguh," tegas Abdullah.

Buku selebal 251 halaman itu dihasilkan

ketika isu mengenai orang Melayu Pulau Pinang yang ketinggalan dan mendakwa dipinggirkan, begitu hangat diperkatakan sebelum ini.

Isu mengenai nasib orang Melayu Pulau Pinang dikupas berdasarkan pendapat profesional dan tokoh pemimpin Melayu di negeri itu sendiri.

Buku itu turut memuatkan wawancara khas dengan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah yang antara lain menjawab banyak pertanyaan tentang peranan beliau terhadap orang Melayu Pulau Pinang.

Antara profesional yang memberi pandangan mereka menerusi buku itu ialah ahli ekonomi, Dr. Nungsari Ahmad Radhi dan Dr. Baharudin Ahmad dari Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamaddun Islam (ISTAC); usahawan, Datuk Syed Mohamad Aidid dan Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), Datuk Seri Yusoff Latif.